



PEMBINAAN DAN KESAHAN MODUL KAUNSELING
KELOMPOK BERDASARKAN TEORI GESTALT
UNTUK MENINGKATKAN PENGHARGAAN
KENDIRI MURID SEKOLAH
MENENGAH



RAPIDAH BINTI A BAKAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2024

2024





**PEMBINAAN DAN KESAHAN MODUL KAUNSELING KELOMPOK
BERDASARKAN TEORI GESTALT UNTUK MENINGKATKAN
PENGHARGAAN KENDIRI MURID SEKOLAH MENENGAH**

RAPIDAH BINTI A BAKAR



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13/08/2024

Perakuan Pelajar:

Saya, **RAPIDAH BINTI A BAKAR, M20201000189 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **PEMBINAAN DAN KESAHAN MODUL KAUNSELING KELOMPOK BERDASARKAN TEORI GESTALT UNTUK MENINGKATKAN PENGHARGAAN KENDIRI MURID SEKOLAH MENENGAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

SAYA **PROF MADYA DR. ASLINA BINTI AHMAD** DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA HASIL KERJA PELAJAR YANG BERTAJUK **PEMBINAAN DAN KESAHAN MODUL KAUNSELING KELOMPOK BERDASARKAN TEORI GESTALT UNTUK MENINGKATKAN PENGHARGAAN KENDIRI MURID SEKOLAH MENENGAH** DIHASILKAN OLEH PELAJAR SEPERTI NAMA DI ATAS, DAN TELAH DISERAHKAN KEPADA INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEH **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING**

13/08/2024

Tarikh

Profesor Madya Dr Aslina Binti Ahmad, SMP, AAF, AM-
KE00516, PA8138
Jabatan Bimbingan dan Kaunseling
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBINAAN DAN KESAHAN MODUL KAUNSELING
KELOMPOK BERDASARKAN TEORI GESTALT UNTUK
MENINGKATKAN PENGHARGAAN KENDIRI MURID
SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: M20201000189

Saya / I: RAPIDAH BINTI A BAKAR
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.


5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**
Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**
Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 13/08/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya saya telah dapat menyiapkan disertasi ini dengan sebaiknya walaupun terdapat sedikit onak dan ranjau yang perlu dilalalui.

Jutaan terima kasih penuh kasih sayang juga ingin dirakamkan kepada Prof Madya Dr Aslina binti Ahmad selaku penyelia disertasi dan tidak lupa juga ucapan sekalung terima kasih kepada Prof Dr. Bazlan bin Mustafa selaku penyelaras program pengajian yang tidak pernah jemu membimbing saya dari awal hingga sempurna disertasi ini. Sesungguhnya ilmu yang kalian curahkan kepada saya hanya Allah SWT sahajalah yang mampu membalasnya.

Dedikasi ucapan ini juga turut saya sandarkan kepada suami tercinta Mohd Faizal bin Hashim di mana tidak pernah culas memberikan sokongan dan sentiasa ada di saat susah dan senang saya dalam menyempurnakan pengajian saya ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada anak-anak Muhammad Firas Al Fateh, Muhammad Firdaus El Faheem, Nur Firzanah Al Awatif, Nur Farhanah Al Aafiyah dan Muhammad Faqih Aaris Al Amin yang saling mengerti dan memahami segala pengorbanan masa ummi sebagai seorang mahasiswa.

Dikesempatan ini juga, tidak dilupakan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua barisan pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang turut memberi panduan dan tunjuk ajar serta sokongan moral yang padu kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini dengan sebaiknya. Begitu juga sekalung penghargaan diberikan kepada semua panel pakar yang sudi memberikan kerjasama yang sangat baik kepada saya bagi menyiapkan kajian saya ini dengan baik. Akhir sekali ingin saya dedikasikan ucapan terima kasih kepada Dr. Mohamad Faizel bin Ali, Ketua Unit Psikologi dan Kaunseling, IPGM Kampus Pulau Pinang yang tidak lokek dalam memberi tunjuk ajar kepada saya serta memberikan ruang masa kepada saya tanpa meninggalkan tugas hakiki sebagai seorang kaunselor.

Kepada mereka yang jauh namun amat dekat di hati saya, iaitu ayahanda, bonda, seluruh ahli keluarga mertua dan adik beradik yang disayangi serta saudara mara yang tercinta, jasa dan budi baik kalian amat saya hargai. Kalian telah banyak mendorong serta memberikan semangat yang tidak putus-putus untuk diri ini supaya tidak goyah menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu sepanjang tempoh pengajian. Berkat doa kalian semua, segala dugaan dan rintangan dapat saya hadapi dengan sebaiknya. Semoga bahan ini dapat dikongsikan bersama dan dimanfaatkan kepada orang lain dalam usaha untuk membantu orang lain menjadi insan yang lebih cemerlang dan diredhai oleh Allah SWT. Akhir kata, semoga apa yang dilakukan di dunia ini akan mengundang syurga kepada kita semua. InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina dan memperoleh kesahan Modul Kaunseling Kelompok berdasarkan Teori Gestalt (MKKTG) untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan atau *Design and Development Research (DDR)* yang mempunyai tiga fasa. Fasa pertama ialah analisis keperluan, manakala fasa kedua adalah berkaitan dengan reka bentuk dan pembangunan modul berdasarkan kajian literatur dan dapatan analisis daripada fasa pertama kajian. Terdapat sembilan sesi dan dua belas aktiviti telah dibina yang menjurus kepada aspek peningkatan penghargaan sendiri murid. Seterusnya, fasa ketiga ialah pelaksanaan dan penilaian yang melibatkan tujuh orang panel pakar dalam bidang pendidikan, psikologi dan kaunseling. Keputusan data analisis keperluan dengan menggunakan Soal Selidik Penghargaan Kendiri Rosernberg (1965), memaparkan seramai 152 daripada 250 responden yang dipilih secara rawak terdiri daripada murid sekolah menengah di daerah Kuala Kangsar, Perak menunjukkan skala tahap penghargaan sendiri adalah rendah manakala enam daripada lapan orang Guru Bimbingan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) bersetuju bahawa terdapat keperluan modul khusus berfokus kepada penghargaan sendiri. Dua soal selidik telah digunakan iaitu soal selidik kesahan kandungan modul Rusell (1974) dan soal selidik kesesuaian sesi dan aktiviti Mohammad Aziz Shah (2010). Data kajian menunjukkan nilai kesahan kandungan modul ialah dari 84.2% hingga 90.0%, manakala nilai kesahan kandungan mengikut sesi dan aktiviti (submodul) ialah dari 82.8% hingga 91.4%. Kesimpulannya, keputusan kajian ini menunjukkan bahawa Modul Kaunseling Kelompok Teori Gestalt (MKKTG) untuk meningkatkan penghargaan sendiri mempunyai nilai kesahan yang tinggi dan ini adalah sangat penting bagi memastikan penghasilan MKKGT yang berkualiti serta dapat digunapakai pada masa akan datang. Justeru, kajian ini memberikan implikasi yang positif kepada bidang kaunseling khususnya dalam penghasilan modul kelompok yang berfokus serta berimpak, sekaligus memberikan satu nilai tambah kepada pembangunan intervensi murid di sekolah dan akhirnya dapat membantu mencapai matlamat Kementerian Pendidikan dalam aspek karamah insaniah melalui peningkatan tahap penghargaan sendiri murid itu sendiri.



DEVELOPMENT AND VALIDATION OF A GESTALT THEORY GROUP COUNSELING MODULE TO ENHANCE SELF-ESTEEM AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

The study aims to build and acquire the effectiveness of the Gestalt Theory-based Group Counselling Module (MKKTG) to enhance the self-esteem of high school students. The design study used is a design and development research approach or Design and Development Research (DDR) that has three phases. The first phase is the analysis of requirements, while the second phase concerns the design and development of modules based on the study of literature and the findings of analysis from the first stage of the study. There are nine sessions and twelve activities have been built that aim to enhance the self-esteem of students. Next, the third phase is the implementation and evaluation involving seven panel experts in the fields of education, psychology and counselling. The results of the need analysis data using the Rosenberg Self-Esteem Questionnaire (1965), showing a total of 152 of the 250 randomly selected respondents consisting of high school students in the Kuala Kangsar district, Perak, showed that the scale of self-worth levels was low while six out of eight people in the GBKSM agreed that there was a need for a special module focused on self-evaluation. Two questionnaires have been used: the Rusell (1974) module content validity questionnaire and the Mohammad Aziz Shah (2010) session and activity relevance questionnaire. Study data showed module content effectiveness values ranging from 84.2% to 90.0%, while content validity values by session and activity (submodule) ranged from 82.8% to 91.4%. In conclusion, the results of this study show that the Gestalt Group Theory Advisory Module (MKKTG) for improving self-esteem has a high value of effectiveness and this is crucial to ensuring quality and viability of MKKTG outputs in the future. In turn, the study has a positive impact on the area of specialized counselling in the production of a focused and impactful group module, while adding value to the development of student intervention in schools and can ultimately help the objectives of the Ministry of Education in the humanity of the profession by increasing the level of self-esteem of the student himself.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Kepentingan Kajian	15
1.5 Tujuan Kajian	17
1.6 Objektif Kajian	18
1.7 Persoalan Kajian	19
1.8 Kerangka Konseptual	20
1.9 Definisi Istilah	22

1.10	Limitasi Kajian	27
1.11	Kesignifikanan Kajian	30
1.12	Rumusan	33

BAB 2 PENDEKATAN TEORI DAN KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	34
2.2	Pendekatan Teori	34
2.2.1	Pengenalan Teori Gestalt	35
2.2.2	Konseptual Teori Gestalt Dalam “Modul Kelompok Kaunseling Berdasarkan Teori Gestalt Dalam Meningkatkan Penghargaan Kendiri Murid”	37
2.2.3	Pandangan Tentang Sifat Semulajadi Manusia	38
2.2.4	Matlamat Teori Gestalt	40
2.2.5	Konsep Utama Dalam Teori Gestalt	41
2.2.6	Teknik-Teknik Dalam Teori Gestalt	46
2.2.7	Kelebihan Terapi Gestalt	54
2.3	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Penghargaan Kendiri	55
2.4	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Analisis Keperluan	59
2.5	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Pembinaan Modul	62
2.6	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Kesahan Modul	64
2.7	Rumusan	69

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	71
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Metadologi Kajian Fasa I: Analisis Keperluan	75
3.4	Metadologi Kajian Fasa II	79
3.5	Metadologi Kajian Fasa III: Pelaksanaan dan Penilaian	83

3.6	Pemarkatan	87
3.7	Penilaian Formatif	90
3.8	Penganalisan Data Statistik	91
3.9	Rumusan	92

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	94
4.2	Dapatan Fasa Analisis Keperluan	94
4.3	Dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	102
4.4	Dapatan Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	105
4.5	Rumusan	116

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	117
5.2	Ringkasan Kajian	117
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian Analisis Keperluan Tahap Penghargaan Murid Sekolah Menengah	119
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian Analisis Keperluan Modul Penghargaan Kendiri	120
5.5	Perbincangan Dapatan Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan	122
5.6	Perbincangan Dapatan Kajian Kesahan Modul	125
5.7	Implikasi Kajian	126
5.7.1	Implikasi Teoritik	126
5.7.2	Implikasi Praktikal	129
5.8	Cadangan Kajian Pada Masa Akan Datang	131
5.9	Penutup	133

RUJUKAN	135
----------------	-----

LAMPIRAN	143
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Objektif Kajian	18
1.2	Persoalan Kajian	19
3.1	Metodologi kajian fasa pertama: Analisis Keperluan	78
3.2	Metodologi kajian fasa kedua : Reka bentuk dan Pembangunan	80
3.3	Metodologi kajian fasa ketiga : Pelaksanaan dan Penilaian	83
3.4	Skala Persetujuan Pakar	89
4.1	Tahap Penghargaan Kendiri Murid.	95
4.2	Ringkasan Profil Latar Belakang Guru Bimbingan dan Kaunseling	96
4.3	Apakah yang anda faham mengenai penghargaan kendiri?	97
4.4	Bagaimanakah anda melihat tahap penghargaan kendiri murid sekolah anda?	98
4.5	Bagaimanakah anda mengatasi isu penghargaan kendiri dalam kalangan murid?	99
4.6	Adakah anda merasakan perlu ada satu modul modul kaunseling yang khusus untuk penghargaan kendiri murid?	100
4.7	Adakah anda bersetuju sekiranya penggunaan Teori Gestalt digunakan dalam pembinaan modul kaunseling kelompok untuk meningkatkan penghargaan kendiri murid?	101
4.8	Apakah antara komponen penting dalam Teori Gestalt yang sesuai digunakan untuk pembinaan modul kaunseling kaunseling dalam meningkatkan penghargaan kendiri murid?	102
4.9	Aktiviti Modul Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Untuk Penghargaan Kendiri	104
4.10	Profil Pakar Bidang	107

4.11	Nilai kesahan pakar terhadap kesahan kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Untuk Meningkatkan Penghargaan Kendiri Murid Sekolah Menengah mengikut saranan Rusell (1974)	108
4.12	Nilai kesahan sesi dan aktiviti Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Untuk Meningkatkan Penghargaan Kendiri Murid Sekolah Menengah berdasarkan saranan Mohammad Aziz Shah (2010)	111
4.13	Komen dan Cadangan Penambahbaikan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Untuk Meningkatkan Penghargaan Kendiri Murid Sekolah Menengah	113
4.14	Penambahbaikan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti dalam Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Untuk Meningkatkan Penghargaan Kendiri Murid Sekolah Menengah	114

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	22
3.1	Proses pembangunan dan penilaian modul	81
3.2	Cara Pengiraan Skor	86
3.3	Carta Aliran Proses Persampelan, Prosedur Penyelidikan dan Pengumpulan Data Subjek Kajian	87
3.4	Langkah Untuk Mendapatkan Kesahan Modul Melalui Rujukan Pakar	91
3.5	Langkah Pengumpulan Data Untuk Analisis Kesahan Kandungan Modul	92
5.1	Komponen Produk Untuk Menghasilkan Modul	119



**SENARAI SINGKATAN**

ANOVA	<i>Analysis Of Variance</i>
BCAS	<i>Codependence Assessment Scale</i>
BKKK	Bimbingan Kelompok Konsep Kendiri
CTRT	<i>Choice Theory and Reality Therapy</i>
DDR	<i>Design Developmental Research</i>
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
GBKSM	Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa
i-SCM	Modul Kaunseling Rohani Islam
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IKK	Inventori Kencenderungan Kerjaya
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Varians</i>
MPKWPP	Modul Pengajaran Kendiri Berasaskan Web Untuk Pola Pakaian
MKK	Modul Kesedaran Kendiri
MKKTG	Modul Kaunseling Kelompok Teori Gestalt
M-KMKBA	Modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab
MTR	Modul Terapi Realiti
MSLSS	<i>Multidimensional Students' Life Satisfaction Scale</i>
PAMI	<i>Physical and Media Inventory</i>
PBC	Pembelajaran Berasaskan Challenge
PJB	Politeknik Johor Bharu



REBTM	Modul kaunseling Teori Rasional Emosi Tingkahlaku RSE <i>Rosenberg Self-Esteem</i>
SAOM	<i>Substance Abuse Outcomes Module</i>
SFBT	<i>Solution Focused Brief Therapy</i>
SPH	Sukatan Pelajaran Harian
SPSS	<i>Statiscal Packages for Social Sciences</i>
STS	Sangat Tidak Setuju
SS	Sangat Setuju
SWPI	<i>Student Work Preference Inventory</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USA	<i>United Stated of America</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
x	Jumlah Skor Pakar
y	Jumlah Skor Sebenar
%	Peratus



SENARAI LAMPIRAN

- A Modul Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Dalam Pembangunan Kendiri
- B Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Dalam Pembangunan Kendiri
- C Senarai Semak Soalan Temu Bual Berstruktur
- D Soal Selidik Skala Penghargaan Kendiri Rosenberg (RSES)
- E Surat Kebenaran Rasmi
- F Analisis Data Bagi Dapatan Kajian



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Self-esteem atau penghargaan sendiri mempunyai perkaitan yang mendalam dalam perkembangan kehidupan seorang manusia yang mempunyai kaitan dengan personaliti diri, penerimaan sendiri atau perasaan senang terhadap diri sendiri. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk membina modul kaunseling kelompok berdasarkan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah. Oleh itu, di dalam bab ini menghuraikan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, definisi konsep dan definisi secara istilah, limitasi kajian dan kesignifikanan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Remaja atau murid di peringkat sekolah menengah adalah aset yang menentukan kemajuan masa depan negara. Pembangunan program remaja adalah penting untuk negara dalam pelbagai cara kerana kesejahteraan hidup remaja boleh dianggap sebagai



petunjuk utama kepada kemakmuran negara. Sebaliknya, jika remaja terjebak dengan pelbagai masalah sosial menjadikan mereka sebagai golongan yang tidak matang yang sentiasa mencabar norma-norma kemasyarakatan (Favara & Sanchez, 2017). Walaupun golongan remaja, khususnya murid sekolah menengah dianggap penting dalam kemajuan sesebuah negara, ada ketikanya mereka telah terpinggir dan dikecualikan daripada mengambil bahagian sepenuhnya dalam aktiviti masyarakat dan institusinya.

Hal ini adalah kerana apabila mereka yang mempunyai pengalaman hidup negatif, golongan remaja terutamanya yang masih bergelar murid sekolah lebih berkecenderungan bergelut dengan masa, ruang, sumber dan pembentukan identiti serta dapat dikaitkan dengan penghargaan sendiri. Mereka juga sering mempamerkan tingkah laku anti-sosial. Murid sekolah di peringkat perkembangan remaja ini merupakan satu tahap perkembangan yang sangat penting dalam kesemua tahap kehidupan individu (Brockman, 2013). Pada peringkat perkembangan ini merupakan satu jangka masa peralihan dari zaman kanak-kanak untuk menyediakan diri mereka memasuki ke alam dewasa. Zaman ini merupakan satu proses transisi di mana peralihan masa yang pantas dan bergelora berbanding tahap-tahap perkembangan hidup lain di mana proses perkembangan ini secara tidak langsung melibatkan pembinaan sikap dan personaliti terhadap aspek penghargaan sendiri positif (Brockman, 2013).

Konsep penghargaan sendiri merupakan penilaian yang dibuat oleh seseorang terhadap dirinya berkaitan dengan kebolehan diri, tingkah laku dan perwatakan diri (Woolfolk et al., 2012). Penghargaan sendiri dibentuk melalui perasaan yang dipelajari dan pemikiran positif yang mencerminkan satu sikap positif tentang kebolehan diri. Pembentukan identiti merupakan satu cabaran yang diharungi oleh seseorang murid





pada fasa remaja (Erikson, 1995). Menurut beliau, seorang murid lazimnya tertanya-tanya tentang identiti dan hala tuju hidup mereka. Keadaan ini menimbulkan konflik kepada remaja untuk menyelesaikan persoalan tentang identiti diri dan matlamat hidup.

Selain itu, penghargaan sendiri juga berkait rapat dengan tingkah laku asertif (Popoola et al., 2018). Perlakuan asertif seseorang murid bermula dari kesedaran terhadap kelemahan tingkah laku diri sendiri sebelum dapat mengubahnya supaya tidak menyusahkan orang lain atau keluarga sendiri. Sikap dan tingkah laku asertif ini boleh membantu remaja yang terlibat dengan tingkah laku berisiko untuk menjadi lebih fokus dan jelas dengan apa yang mereka mahukan dalam kehidupan tanpa melukakan hati orang lain atau merampas hak-hak orang lain. Sikap asertif adalah berlawanan dengan sifat agresif dan sikap pasif yang selalunya ditonjolkan oleh golongan Mat Rempit yang dikatakan mudah bertindak agresif apabila dicabar. Tingkah laku agresif adalah sifat yang perlu dielakkan oleh murid kerana ia mendorong murid tersebut bersikap melulu dan melanggar hak-hak orang lain dengan memanipulasi situasi yang dihadapi ke arah kepentingan diri sendiri atau kumpulan sosial mereka.

Dengan kata lain, penghargaan sendiri merupakan penilaian individu terhadap dirinya sendiri yang diterjemahkan melalui tingkah lakunya dalam kehidupan seharian. Rosenberg, Schooler, Schoenbach, dan Rosenberg, (1995) pula mendapati bahawa penghargaan sendiri mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan penilaian tentang dirinya dan orang lain. Penilaian ini, pada pandangan Mullis dan Chapman, (2000), akan mencerminkan sejauh mana seseorang individu itu mempunyai tahap penerimaan dan penolakan terhadap dirinya sendiri dan sejauh mana dia mempercayai bahawa dirinya itu berharga.





Penghargaan sendiri dianggap sebagai salah satu elemen penting bagi menjamin kesejahteraan hidup manusia kerana kajian lepas mendapati tahap penghargaan sendiri yang rendah menjadi penyumbang kepada tekanan hidup, tingkah laku negatif, penglibatan dalam jenayah, gangguan emosi serta boleh menjurus kepada bunuh diri (Orth, Robins, Meier, & Conger, 2016; Hawton, Saunders, & O'Connor, 2012; Sowislo & Orth, 2012; Schraml, Perski, Grossi, & Simonsson-Sarnecki Margareta, 2011; Trzesniewski et al., 2006).

Huebner, (1991) merumuskan bahawa, berbagai kajian telah dilakukan oleh sarjana-sarjana di dalam bidang psikologi berkenaan aspek penghargaan sendiri tetapi kajian mereka masih kurang memfokuskan tentang hubungannya dengan kepuasan hidup terutamanya dalam kalangan remaja yang masih berada di peringkat sekolah terutama dalam skop pelajar sekolah menengah.

Maka, keadaan ini amat relevan supaya suatu kajian dilaksanakan dalam kalangan remaja yang masih berada di peringkat sekolah menengah. Hal ini kerana, remaja merupakan golongan yang perlu diberi perhatian serius kerana golongan ini lah yang akan mencorakkan masa depan negara (Shamsudin, 1994). Rumusannya, bahawa penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah adalah penting dan perlu dititikberatkan.

Sehubungan itu, penyelidikan ini dilakukan untuk membangunkan modul yang dapat menghasilkan pengetahuan ataupun konsep baharu yang lebih praktikal untuk digunakan oleh kaunselor mahupun fasilitator. Pengetahuan ataupun konsep baharu dalam bentuk modul yang dihasilkan dalam kajian ini dibina berdasarkan teori dan data





empirikal supaya pengetahuan ini dapat digunakan untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah. Pengetahuan ini dihasilkan melalui proses pembangunan modul yang sistematik untuk menghasilkan produk berasaskan pengetahuan baharu yang lebih praktikal.

Berasaskan kajian reka bentuk dan pembangunan modul atau DDR, konsep ADDIE (*Analyze, Design, Development, Implementation and Evaluation*) dijadikan panduan dalam proses pembangunan modul. Menurut Saedah, Norlidah, DeWitt dan Zaharah (2013). ADDIE adalah antara model instruksi yang digunakan sebagai panduan dalam proses kajian pembangunan modul. Kajian pembangunan modul memfokuskan kepada penghasilan pengetahuan dalam bentuk teknik ataupun reka bentuk baharu melalui proses pembangunan yang lengkap (Saedah et al. 2013). Hasil kajian ini dalam bentuk modul diharapkan dapat membantu meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah.

1.3 Pernyataan Masalah

Ahli psikologi, seperti Carl Rogers dan Abraham Maslow merupakan antara ilmunan yang terawal mula membincangkan konsep penghargaan sendiri dan peranannya dalam kehidupan manusia. Manusia berfikir, bertindak, berperasaan dan membuat penilaian mengikut bagaimana dia memahami dan menganggap dirinya sendiri. Apa yang difahami mengenai diri, itulah gaya fikir, tingkah laku, perasaan dan penilaian yang dibuat ke atas diri sendiri. Namun pemahaman ini mungkin ada yang betul dan mungkin juga salah (Amin dan Mizan, 2023). Hal ini kerana konsep penghargaan sendiri ini terbentuk melalui proses yang panjang daripada penalaman yang telah dilalui, malah





Rogers (1951) berpendapat bahawa pusat kepada personaliti ialah konsep penghargaan sendiri.

Penghargaan sendiri adalah merupakan satu cabang psikologi yang mengkaji tingkah laku dan proses pemikiran (mental) manusia. Ahli psikologi yang mengkaji pertumbuhan manusia memberi fokus kepada aspek tingkah laku dan proses pemikiran yang membolehkan manusia mengisi tuntutan hidup seperti penyesuaian terhadap alam semulajadi dan alam sekitar, budaya serta masyarakat (Zuraidah 2005). Penghargaan sendiri merupakan satu proses berterusan untuk mengenal pasti keupayaan dan potensi diri bagi mencapai kepuasan hidup. Penghargaan sendiri juga bererti individu yang terlibat dalam pembelajaran dan mengambil tanggungjawab utama memilih apa, bagaimana, bila dan mengapa ia belajar sesuatu perkara itu. Individu belajar untuk membuat keputusan sama ada berkeinginan atau tidak untuk mendalami sesuatu kemahiran atau pengetahuan tanpa menjejaskan orang lain. Dengan kata lain, manusia sentiasa mahu mengisi keperluan diri (Zuraidah 2005).

Konsep penghargaan sendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana seseorang individu itu menganggap dirinya sama ada positif atau pun negatif. Penghargaan sendiri seseorang juga terbina hasil daripada menerima penilaian orang lain seperti ibu bapa, rakan-rakan, guru atau orang-orang penting yang berada di sekeliling individu tersebut dan ini meliputi persepsi tentang diri dan sekelilingnya. Hal ini meliputi aspek jasmani dan psikologi serta berkait rapat dengan pembelajaran yang dialami semenjak kanak-kanak (Amin dan Mizan, 2023). Oleh sebab itu, konsep penghargaan sendiri merupakan salah satu faktor terpenting





dalam kehidupan setiap individu termasuklah murid di alam sekolah menengah yang sedang bergolak dalam membina identiti peribadi.

Selain itu, menurut Amin dan Mizan (2023) juga aspek penghargaan sendiri adalah berkait rapat dengan pernyataan-pernyataan yang menerangkan perasaan individu terhadap dirinya sendiri, sama ada berpuas hati dengan diri ataupun tidak kerana terdapat perbezaan antara setiap individu. Penghargaan sendiri dalam erti kata lain ialah bersyukur dengan apa yang dimiliki oleh diri sendiri. Secara umumnya, aspek ini akan mencerminkan tahap penerimaan individu dan setakat mana individu berpuas hati tentang dirinya. Aspek penerimaan ini yang dilihat penting dan perlu ada dalam kalangan murid sekolah.



Secara lumrahnya manusia ingin memastikan keperluan penghargaan sendiri mereka dapat dipenuhi. Keperluan ini menjelaskan akan perasaan ingin dihormati, disanjung dan dipuji khususnya dalam kalangan murid yang meningkat ke alam yang lebih matang dan mencabar. Golongan ini dilihat sebagai satu kelompok individu yang perlu diberi perhatian lebih dalam pembentukan penghargaan sendiri dalam diri mereka. Tiga perkara asas yang menjadi tunjang untuk meningkatkan pembentukan penghargaan sendiri dalam kalangan para pelajar adalah penerimaan keluarga terhadap anak, penghargaan yang diberikan terhadap setiap tindakan dalam nilai yang dibenarkan dan penjelasan yang jelas terhadap batasan setiap tingkah laku yang tidak dibenarkan (Coopersmith, 1967).

Manakala, dalam konteks Pendidikan pula konsep penghargaan sendiri juga perlu dititik beratkan kepada semua murid dan setiap murid perlu didedahkan dengan





aspek penghargaan sendiri supaya mereka menjadi masyarakat yang mampu bersaing dengan pelbagai aspek kehidupan (Zaiton, 2013). Apabila seorang individu makin membesar dan mula bersekolah, guru menjadi orang yang penting dalam pembentukan aspek penghargaan sendiri.

Penting bagi semua guru termasuk ibu bapa memahami pembentukan, pendedahan, pengekalan dan pengurangan penghargaan sendiri dalam diri anak-anak. Menurut Azizi Yahaya (2005) perkembangan penghargaan sendiri memainkan peranan penting dalam membantu perubahan penghargaan sendiri mengikut umur. Pendidik dan ibu bapa perlu tahu cara untuk berkomunikasi dan membina penghargaan sendiri dalam diri anak-anak tidak kira apa jenis kebolehan anak-anak tersebut. Untuk menuntut pemikiran anak-anak ke arah yang betul, guru juga harus berperanan melatih mereka menghormati individu lain dan bukan dipengaruhi oleh tekanan rakan sebaya atau media masa.

Peranan guru akan mulai sama pentingnya seperti ibu bapa. Semua perkataan dan kelakuan guru akan ditafsir dan disimpan dalam minda setiap murid sebagai pengalaman lalu yang membentuk dunia dalaman dan seterusnya menghasilkan konsep sendiri mereka. Guru mungkin sama sekali tidak menyedari bahawa akan proses penyerapan alam yang berlaku kepada anak-anak murid ini. Sebagai contoh guru yang punyai sikap pilih kasih, tidak mempedulikan murid, membanding, melabel murid di dalam kelas atau di sekolah, secara tidak langsung menyumbang kepada proses pembinaan konsep penghargaan sendiri yang negatif kepada murid.





Fitts (1975) dan Rogers (1975) berpendapat bahawa seseorang tidak akan berkelakuan sebagaimana dilihat oleh orang lain, tetapi sebaliknya seseorang berkelakuan sebagaimana dirinya melihat dan menilai dirinya sendiri. Antara faktor yang mengawal tindakan individu ialah persepsi uniknya terhadap diri sendiri, alam di mana individu itu berada dan penilaian individu terhadap ransangan yang diterima. Jika baik setiap aspek maka baiklah pembentukan komponen aspek penghargaan sendiri seseorang individu tersebut.

Seterusnya, teori penghargaan sendiri tercetus berasaskan kepada hierarki keperluan Maslow yang dicetuskan oleh Abraham Maslow pada tahun 1943 dalam bukunya yang bertajuk *A Theory of Human Motivation* yang lebih berfokus kepada keperluan asas manusia iaitu keperluan dari sudut keperluan asas dan aspek psikologi.

Dalam konteks di sekolah misalnya, dari segi fisiologi para pelajar memerlukan makanan asas dan dari segi psikologi, para pelajar inginkan kasih sayang daripada guru mereka. Berdasarkan kepada teori ini, keperluan fisiologi yang tidak dapat dipenuhi akan menghalang seseorang individu itu untuk dapat memenuhi keperluan-keperluan yang lain. Menurut Teori Maslow, terdapat lima keperluan asas manusia yang perlu dipenuhi iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan sendiri dan keperluan penyempurnaan sendiri (Mok, 2008).

Dalam kajian lepas yang dilaksanakan oleh Marilena Z Leana-Tascilar (2018) di mana pengkaji ini telah melakukan kajian di Universiti Istanbul, Turki untuk melihat peranan motivasi dan penghargaan sendiri dalam pencapaian akademik pelajar berbakat turki. Kajian ini telah dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara komponen penghargaan sendiri dan motivasi dan untuk menilai yang manakah ramalan



pencapaian akademik yang terbaik diantara pelajar berbakat Turki. Kajian penghargaan sendiri adalah menggunakan borang soal selidik *Coopersmith Self-Esteem* dan skala intrinsik lawan ekstrinsik orintasi motivasi telah digunakan untuk menilai komponen motivasi dalam bilik darjah. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat hubunagan yang signifikan antara penghargaan sendiri, motivasi dan pencapaian para pelajar di Universiti Istanbul.

Maka, jelas di sini menunjukkan bahawa motivasi dan penghargaan sendiri merupakan elemen yang sangat penting bagi pembentukkan diri yang sempurna, oleh itu pihak yang terlibat seperti ibu bapa, guru, sekolah, badan kebajikan perlu menjalankan langkah yang proaktif dalam meningkatkan motivasi murid seterusnya menjana penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah khususnya.

Selain itu, terdapat juga kajian lepas yang telah dijalankan oleh Fatin dan Faridah (2021), untuk melihat hubungan antara tahap konsep sendiri akademik dan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar atlet di Universiti Kebangsaan Malaysia, di mana dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penghargaan sendiri pelajar atlet hanya berada pada tahap yang sederhana sahaja dengan min skor 2.89. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tahap penghargaan sendiri masih belum mencapai pada tahap yang baik iaitu berada pada tahap penghargaan sendiri yang tinggi.

Seterusnya, pada masa kini terdapat modul yang dibentuk oleh pakar dalam pelbagai bidang termasuklah dalam bidang psikologi contohnya modul motivasi, modul kecemerlangan modul kepimpinan, modul cara gaya belajar dan sebagainya (Mohamed Aziz Shah, 2012). Walau bagaimanapun, kajian mengenai pembinaan dan kesahan

modul masih kurang dijalankan sedangkan kajian ini penting untuk dilaksanakan bagi menguji sama ada modul dan sub modul yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Maka dalam kajian ini telah berfokus kepada pembinaan modul kelompok kaunseling dengan menggunakan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah.

Kajian lain tentang pembinaan modul yang telah dijalankan adalah menggunakan Teori Pemusatan Insan yang dilaksanakan oleh Mohd Noor, Norazani, Nurul 'Ain dan Hapsah (2014) yang memberikan fokus kepada keberkesanan kaunseling kelompok pendekatan pemusatan insan dan pendekatan psikologi kognitif Ad-Din ke atas konsep sendiri remaja yang hamil anak luar, manakala Teori Kognitif Tingkah Laku yang digunakan dalam kajian ini adalah berkenaan dengan impak intervensi kaunseling kelompok tingkah laku kognitif kepada mangsa buli yang dipelopori oleh Amin, Mohamad Isa, Khairunnizam dan Salleh (2016). Seterusnya kajian oleh Mariani dan Norhanizah (2020) berkenaan pendekatan kaunseling Islam untuk menangani masalah sosial dalam kalangan remaja sekolah menengah agama, dan walau bagaimanapun masih kurang lagi penyelidikan yang dilaksanakan untuk mengkaji serta melihat penggunaan Teori Gestalt terutamanya dalam aspek penghargaan sendiri.

Terdapat juga kajian yang menggunakan pendekatan Gestalt tetapi di dalam pembinaan kurikulum yang telah dijalankan di luar negara seperti tentang reka bentuk kurikulum berdasarkan Pendekatan Gestalt kepada pedagogi pendidikan keusahawanan dengan guru pelajar lepasan ijazah di Ireland university oleh Gerard Slattery dan Morgan Danaher (2015). Selain itu, kajian oleh B Soedarmadji (2019) berkenaan pembangunan Modul Latihan Hipno-kaunseling Teori Gestalt. Secara umumnya dalam



pendekatan Gestalt, proses kaunseling dilakukan dengan mengikut peraturan proses kaunseling.

Polster (dalam Corey, 2013) menerangkan urutan integrasi tiga peringkat yang mencirikan pertumbuhan klien dalam terapi, a) peringkat penemuan, b) peringkat penginapan, dan c) peringkat asimilasi. Namun begitu, kajian penyelidikan yang berbentuk ilmiah masih kurang didapati di dalam negara walaupun Teori Gestalt didapati berkesan untuk pelajar sekolah. Ini bertepatan dengan pengkaji-pengkaji yang lalu menyatakan intervensi secara pemulihan terutama menggunakan pendekatan teori kaunseling berjaya menggalakkan perkembangan, mencegah dan menyembuhkan. (Gadza, 1978). Kajian-kajian yang dilakukan pengkaji-pengkaji di barat dan di dalam negara (Wan Abdul Kader, 1994; Abdul Malek, 2004; Sapora, 2007; Aziz Shah, 2008; Sun Choi, 2006; Michele, 1999; Miller et al., 2008; Smith Ad-cock, 2008 dan Vasiliauskas, 2011) telah menunjukkan keberkesanan kaunseling kelompok dalam proses pencegahan, perawatan dan pemulihan berjaya membantu dalam proses penyesuaian dalaman klien mereka. Oleh itu, hal ini menunjukkan bahawa aplikasi Teori Gestalt dapat diterjemahkan melalui pembinaan modul di dalam kaunseling kelompok.

Dalam bidang kaunseling, terdapat juga modul yang digunakan oleh para kaunselor di dalam sesi kaunseling kelompok, aktiviti program dan juga di dalam kaunseling individu (Mohamed Aziz Shah, 2012). Pembinaan modul ini penting supaya dapat membantu mengembangkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar ke arah perkembangan yang diinginkan. Oleh hal yang demikian, sumbangan modul dalam bidang kaunseling tidak dapat dinafikan lagi. Tambahan pula, keperluan murid bukan





sahaja dipenuhi melalui aspek fizikal sahaja tetapi merangkumi aspek psikologi khususnya pemikiran dan emosi yang bergabung menjadi satu komponen dalam diri pelajar tersebut. Selain itu, pembentukan modul juga penting kepada kaunselor di mana mereka mempunyai pelbagai pilihan modul-modul yang boleh digunakan di sekolah sesuai dengan keperluan pelajar dan budaya sekolah. Oleh itu, sumbangan modul amat penting dalam menggerakkan sesuatu komponen tersebut ke arah yang positif.

Zuraidah Abdul Rahman (2010) menjelaskan bahawa kaunseling kelompok ialah satu pendekatan yang boleh digunakan oleh kaunselor terlatih untuk memberikan pertolongan kepada individu biasa yang menghadapi masalah harian normal dalam tempoh masa yang tertentu. Manakala menurut Mahler's (1969) pula menyatakan bahawa kaunseling kelompok menekankan beberapa ciri utama iaitu (1) matlamat utama dalam kaunseling kelompok ialah penyelesaian tugas untuk peningkatan sendiri (2) interaksi kelompok fokus utama dalam mencapai matlamat (3) suasana dalam kelompok dapat mengurangkan mekanisme helah bela diri supaya perasaan boleh dikongsi dan diterokai (4) matlamat kelompok untuk mencapai kefahaman sendiri dan penerimaan sendiri.

Khalid, Abdul Rahman (2013) dalam kajian yang bertujuan untuk melihat keberkesanan model kaunseling kelompok berstruktur terhadap penghargaan sendiri dan motivasi pelajar. Soal selidik yang menggunakan Self Esteem Inventory (SEI) dan Ujian Motivasi Pencapaian (SWPI). Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pendekatan





kaunseling kelompok menggunakan modul KKB berkesan dalam meningkatkan tahap penghargaan sendiri dan motivasi pencapaian pelajar.

Kaunseling kelompok merupakan satu alternatif kepada kaunseling individu yang mempunyai banyak kelebihan. Kelebihan-kelebihan ini dinyatakan oleh Ida Hartina (2006) seperti menjimatkan masa dalam membantu dan dapat mengurus lebih ramai klien dalam satu masa. Kaunseling kelompok juga mempamerkan kehidupan yang lebih realiti kerana manusia hidup berkelompok dan saling berinteraksi. Ahli kelompok dapat memberikan sokongan kepada ahli-ahli yang lain semasa menjalankan sesi kaunseling kelompok. Ahli-ahli kelompok juga mendapat maklum balas daripada ahli kelompok lain dan mempelajari cara bersosial, berfikir dan bertindak laku dengan baik hasil daripada perbincangan dan bantuan antara satu sama lain.



Berada dalam sesebuah kelompok seperti berada di dalam sebuah makmal dan perubahan merupakan matlamat penting. Membentuk konsep penghargaan sendiri yang tidak tekal membolehkan proses kaunseling kelompok digunakan untuk memberikan pengalaman baharu kepada ahli kelompok agar mendapat maklum balas mengenai dirinya daripada satu sama lain dan mencuba tingkah laku baharu dalam suasana yang selamat dan diterima.

Sehingga kini, modul kaunseling kelompok yang berkaitan dengan penghargaan sendiri yang melalui penyelidikan bersifat ilmiah masih mempunyai limitasi dan sangat terhad. Oleh kerana masih terdapat limitasi dalam kajian yang bersifat ilmiah terhadap modul kelompok berdasarkan teori Gestalt dan aspek penghargaan sendiri khususnya dari sudut pembinaan dan kesahan modul, maka penyelidik terpenggil untuk



melaksanakan penyelidikan tersebut. Secara kesimpulannya, banyak penyelidikan dilakukan ke atas aspek konsep penghargaan sendiri namun masih mempunyai limitasi dalam penyelidikan yang khusus kepada penggunaan teori Gestalt dalam penggunaan modul kelompok kaunseling. Oleh itu, pengkaji telah membina modul serta melihat kesahan modul kaunseling kelompok berdasarkan teori gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah.

1.4 Kepentingan Kajian

Berdasarkan permasalahan di atas, penyelidikan berasaskan kajian reka bentuk pembangunan modul telah dilakukan untuk menghasilkan modul yang jelas dan efisien untuk GBK dan pengendali modul atau fasilitator dapat melaksanakan kaunseling kelompok dengan baik dan lebih berstruktur. Kajian reka bentuk dan pembangunan modul adalah satu kajian pembinaan bahan instruksi yang sistematik. Kaedah ini telah digunapakai secara global dalam bidang pendidikan (Richey & Klein 2007). Melalui kaedah ini, pengetahuan yang lebih praktikal yang bersesuaian dengan konteks GBKSM dapat dihasilkan untuk menyelesaikan masalah sedia ada.

Pengetahuan yang dihasilkan dalam bentuk modul ini dijangka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Menurut Richey dan Klein (2007), kekuatan kajian reka bentuk dan pembangunan modul di mana kajian ini digunakan untuk menyelesaikan masalah dalam konteks yang lebih terperinci. Pembangunan modul berasaskan penyelidikan kajian reka bentuk pembangunan modul berupaya menghasilkan modul yang efisien bagi menyelesaikan masalah sedia ada. (Branch 2009).

Pengetahuan yang dihasilkan dalam bentuk modul ini dijangka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Menurut Richey dan Klein (2007), kekuatan kajian reka bentuk dan pembangunan modul di mana kajian ini digunakan untuk menyelesaikan masalah dalam konteks yang lebih terperinci. Pembangunan modul berasaskan penyelidikan kajian reka bentuk pembangunan modul berupaya menghasilkan modul yang efisien bagi menyelesaikan masalah sedia ada. (Branch 2009).

Secara rasional pembinaan modul kelompok dalam kajian ini khususnya dalam pelaksanaan sesi kaunseling kelompok adalah kerana perkhidmatan kaunseling kelompok merupakan satu proses menolong atau sesi kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor yang terlatih. Di sekolah menengah, perkhidmatan sesi kaunseling dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) yang dilantik khas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Menurut Gultekin, Erkan, Zeynep & Tuzunturk (2011), kaunseling kelompok merupakan pelaksanaan sesi kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor terlatih dan dihadiri oleh beberapa orang ahli kelompok. Gladding (2008) pula menjelaskan, perkongsian pengalaman ahli yang berlaku hasil dari perhubungan sesama ahli dapat menjadi inspirasi atau jalan keluar terhadap isu peribadi, sosial ataupun kerjaya yang dihadapi oleh ahli kelompok lain.

Secara rasional, kajian ini dilakukan bagi menghasilkan modul kaunseling kelompok yang lebih praktikal. Pengetahuan ini dihasilkan melalui proses pembangunan modul yang sistematik dan dijangka dapat membantu meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah. Hasil kajian ini merupakan satu usaha dan inisiatif baru bagi membantu murid sekolah menengah



membuat perubahan tingkah laku positif secara lebih berkesan khususnya dalam meningkatkan penghargaan sendiri murid ke tahap yang lebih tinggi.

Hasil kajian ini akan memperkenalkan satu modul kaunseling kelompok berdasarkan Teori Gestalt untuk peningkatan konsep penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah. Modul yang dibina ini boleh diguna pakai oleh para kaunselor, guru, jurulatih dan para fasilitator dalam usaha membantu kumpulan sasarannya dalam mempertingkatkan konsep penghargaan sendiri masing-masing agar dapat memaksimumkan bakat dan kebolehan diri serta dapat menyesuaikan diri.

1.5 Tujuan Kajian



Kajian ini terbahagi kepada dua iaitu tujuan umum dan tujuan khusus. Tujuan umum menyatakan apakah tujuan sebenar penyelidikan perolehi dalam kajian ini manakala tujuan khusus menerangkan secara jelas dan terperinci tentang apakah hasil dapatan yang cuba diperolehi.

1.5.1 Tujuan Umum

Kajian ini bertujuan untuk melihat pembinaan dan penilaian Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt untuk meningkatkan Penghargaan Kendiri dalam kalangan murid sekolah menengah. Abu Bakar (1987) menyatakan sesuatu alat ujian tidak akan diterima serta dianggap cacat sekiranya tidak memenuhi syarat yang berkaitan dengan kesahan dan kebolehpercayaan.



1.5.2 Tujuan Khusus

Berdasarkan tinjauan literatur dan pernyataan masalah di atas, maka kajian ini adalah bertujuan untuk membina modul kaunseling kelompok berdasarkan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah.

1.6 Objektif Kajian

Kajian reka bentuk dan pembangunan modul (*Design and Development Research, DDR*) ini berfokuskan kepada proses pembangunan produk iaitu sebuah modul yang melibatkan beberapa fasa dan setiap fasa menggunakan metodologi yang berbeza bagi tujuan pengumpulan data (Saedah et al. 2013) Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan proses pengumpulan data mengikut fasa. Bagi memperoleh data yang dapat menghasilkan modul yang efisien, maka objektif kajian ini juga dibina berdasarkan tiga fasa utama kajian iaitu pertama fasa analisis keperluan, dan fasa kedua merangkumi fasa reka bentuk dan pembangunan dan yang ketiga fasa kesahan modul. Jadual 1.1 memaparkan objektif kajian yang dibina berdasarkan tiga fasa utama kajian.

Jadual 1.1

Objektif Kajian

Fasa	Bil	Objektif Kajian
1. Analisis Keperluan	1	Mengenalpasti tahap penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah (Soal Selidik Penghargaan Kendiri Rosenberg)
	2	Mengenalpasti keperluan modul bagi meningkatkan penghargaan dalam kalangan murid sekolah menengah. (Temu bual berstruktur)

(bersambung)

Jadual 1.1 (*sambungan*)

Fasa	Bil	Objektif Kajian
2. Reka bentuk dan Pembangunan	3	Membangunkan Modul Kaunseling Kelompok berdasarkan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah.
3. Pelaksanaan dan Penilaian	4	Menilai kesahan modul kaunseling kelompok berdasarkan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah.
	5	Menilai kesahan sub aktiviti modul kaunseling kelompok berdasarkan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah

1.7 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian yang telah dinyatakan, maka penyelidikan ini juga dilakukan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian yang telah dibina. Sebagaimana objektif kajian, maka persoalan kajian juga dibina berdasarkan fasa kajian pembangunan modul. Persoalan kajian ini dipaparkan seperti di dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Persoalan Kajian

Fasa	Bil	Objektif Kajian
1. Analisis Keperluan	1	Apakah tahap penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah?
	2	Apakah terdapat keperluan modul yang sesuai untuk meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah?
2. Reka bentuk dan Pembangunan	3	Bagaimanakah untuk membangunkan modul kaunseling kelompok berdasarkan teori Gestalt bagi meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah?

(*bersambung*)

Jadual 1.2 (*sambungan*)

Fasa	Bil	Objektif Kajian
3. Pelaksanaan dan Penilaian	4	Apakah nilai kesahan Modul Kaunseling Kelompok berdasarkan Teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah?
	5	Apakah nilai kesahan sub aktiviti Modul Kaunseling Kelompok berdasarkan Teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah?

1.8 Kerangka Konseptual

Fokus kajian ini adalah untuk menghasilkan modul kaunseling kelompok berdasarkan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah.

Berdasarkan objektif kajian, kerangka konseptual kajian dibina untuk menggambarkan konsep kajian di dalam Rajah 1. Pada asasnya kajian ini dilakukan berdasarkan prinsip yang terkandung di dalam teori Gestalt. Bagi memenuhi tujuan kajian ini memfokuskan kepada matlamat, teknik dan konsep utama yang terkandung dalam teori Gestalt.

Bagi memastikan modul ini boleh digunakan, proses pertama pembangunan modul dilakukan dengan mengambil kira keperluan GBKSM dan mengetahui masalah yang wujud dalam kalangan murid. Proses ini dilakukan dalam fasa pertama kajian iaitu fasa analisis keperluan. Di mana pada fasa ini, pengumpulan maklumat diperoleh daripada soalan temu bual separa berstruktur kepada GBK untuk mengenal pasti keperluan modul yang sesuai untuk modul kaunseling kelompok murid sekolah menengah. Selain itu, soal selidik Rosenberg telah diedarkan secara rawak kepada murid menengah atas mengetahui tahap penghargaan sendiri murid. Soal selidik ini





mengandungi empat item jawapan dari sangat bersetuju hingga tidak bersetuju dan mengandungi sepuluh soalan. Skala ini diberi nama Skala Guttman. Skala ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi walau pun telah diuji beberapa kali. Segala maklumat ini digunakan untuk merekabentuk dan membangunkan modul dalam fasa seterusnya.

Berdasarkan data analisis keperluan, teori, kajian lepas modul dibangunkan dalam fasa seterusnya iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan. Perkara pertama yang dilakukan dalam fasa ini ialah mereka bentuk isi kandungan dan membangunkan objektif keseluruhan modul. Berdasarkan objektif keseluruhan modul, isi kandungan modul dan aktiviti dalam modul telah dibangunkan. Modul yang telah dibangunkan kemudiannya dinilai oleh tujuh pakar bidang yang berbeza untuk memastikan isi kandungan modul menepati bidang yang dikaji. Penilaian dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang boleh digunakan untuk menambah baik modul.

Fasa akhir kajian iaitu fasa pelaksanaan dan penilaian, di mana penilaian pada fasa ini dilakukan untuk mengetahui nilai kesahan modul dan sub modul aktiviti di dalam modul dalam membantu meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah.. Maka, pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional adalah pemboleh ubah yang ingin dilihat pada akhir kajian pembinaan modul. Bagi memberikan gambaran yang jelas tentang konsep kajian, Rajah 1.1 memaparkan kerangka konseptual kajian yang dibina berdasarkan objektif kajian dan soalan kajian.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Definisi Istilah

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kajian ini, definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini diuraikan seperti berikut;

1.9.1 Pembinaan Modul

Salah satu definisi, pembinaan adalah suatu proses atau pengembangan yang mencakup urutan-urutan pengertian, diawali dengan mendirikan, menumbuhkan, memelihara pertumbuhan tersebut yang disertai usaha-usaha perbaikan, menyempurnakan, dan mengembangkannya (Widjaja 1988). Dalam definisi tersebut secara implisit mengandung suatu interpretasi bahwa pembinaan adalah segala usaha dan kegiatan

mengenai perencanaan pembinaan, pelaksanaan, dan pengawasan sesuatu perkara dan matlamat tertentu untuk mencapai tujuan dengan hasil yang maksimum.

Modul pula ialah elemen yang terkandung dalam satu konstruk yang besar dengan tujuan untuk mengerakkan dan menguruskan tingkah laku menuju kepada matlamat yang ingin dicapai (Sharifah Alwiah 1981 dalam Jamaludin 2002). Greager dan Murray (1985 dalam Sidek dan Jamaluddin 2005), menyatakan bahawa modul adalah satu unit pengajaran yang lengkap dan bebas dengan fokus utamanya ialah untuk mencapai beberapa objektif yang telah dinyatakan. Kamdi (1990 dalam Sidek dan Jamaludin 2005), memberikan takrifan modul sebagai satu pakej aktiviti yang mempunyai penilaian serta arahan serta tatacara yang lebih bersifat sistematik supaya murid dapat mengikuti langkah demi langkah bagi menguasai sesuatu unit pembelajaran dan boleh dijalankan secara individu.

Menurut Jamaludin (2018), pembinaan modul didefinisikan sebagai bina modul baharu atau ambil sedia ada, diubahsuai dan digunakan dalam kajian atau seratus peritus modul sedia ada dan digunakan dalam sesuatu kajian. Kebiasaannya, kesahan dan kebolehpercayaan hanya sah dalam tempoh lima tahun sahaja. Pembinaan modul baru pada kebiasaannya memakai teori dan aktiviti yang bersesuaian dan saling berkaitan dengan sesuatu tujuan yang ingin dicapai.

Justeru, pengkaji telah membuat dan merancang satu pembinaan modul baharu dalam konteks kajian ini yang berfokuskan kepada pembinaan modul kaunseling kelompok berdasarkan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah. Dalam kajian ini juga, modul adalah satu bahan

atau elemen penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik supaya pengguna dapat mengikuti langkah demi langkah bagi menguasai sesuatu pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR). Lebih terperinci lagi modul yang dibina dalam kajian ini lebih tertumpu kepada pembina modul kaunseling kelompok.

Maka, modul dalam kajian ini adalah merujuk kepada modul kelompok kaunseling berdasarkan teori Gestalt untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah dimana modul ini telah dibahagikan kepada 9 sesi dan terdapat 12 aktiviti yang secara keseluruhannya ingin melihat kesan modul kelompok kepada pembangunan sendiri seseorang individu dan fokus utama kumpulan sasaran ialah dalam kalangan murid sekolah menengah. Hal ini adalah kerana berdasarkan tahap kesesuaian, kematangan dan tahap pemikiran murid sekolah menengah.

1.9.2 Kaunseling Kelompok

Kaunseling kelompok merupakan satu pendekatan yang dinamik dan berkesan bagi kaunselor terlatih dalam proses membantu klien dalam menyelesaikan masalah. Pendekatan ini dikhususkan bagi golongan individu biasa yang menghadapi masalah yang sama dalam satu masa, dan isu permasalahan yang dihadapi berbentuk permasalahan yang normal. Hough (1994), menjelaskan bahawa, *In 1935, the first Alcoholics Anonymous group meeting was held in Ohio, and the organization which was formed as a result of this, has proved to be one of the most enduring and successful initiatives world-wide* (p. 143). Hal ini membuktikan keberkesanan pendekatan kaunseling kelompok terhadap pelbagai isu yang berlegar di dalam dunia kaunseling.

Kaunseling kelompok juga dinamakan sebagai suatu hubungan antara seorang individu dengan individu lain dalam satu kelompok yang menfokuskan aspek permasalahan yang sama dalam konteks tingkahlaku dan terdapat penglibatan fungsi- fungsi terapi atau pemulihan. Pemilihan ahli-ahlinya adalah berbentuk sukarela. Rogers (1970), mendefinisikan kaunseling kelompok sebagai orientasi permasalahan dan proses pemulihan dalam usaha merasionalkan seseorang mengikut kehendak ramai. Hal ini jelas menyokong penglibatan fungsi-fungsi terapi dalam proses kaunseling kelompok.

Gibson dan Mitchell (1981) pula mentakrifkan kaunseling kelompok sebagai satu proses membantu seseorang klien menyesuaikan diri dengan hal sehariannya dari aspek tingkah laku, perhubungan peribadi, nilai diri, sikap serta permilihan kerjaya yang bersesuaian dengan kemahiran yang dimiliki oleh individu berkenaan. Menurut Gladding (2000) *“a group is defined as two or more people interacting together to achieve a goal for their mutual benefit”*. Ayat tersebut dengan jelas menyebutkan bahawa kelompok didefinisikan sebagai dua atau lebih orang yang berinteraksi bersama untuk mencapai matlamat berdasarkan keperluan mereka.

Sujatha Venkatesh (2006) menyatakan bahawa kaunseling kelompok melibatkan kelompok kecil yang mempunyai matlamat tersendiri, berkongsi masalah, memberikan empati dan sokongan kepada ahli kelompok serta dapat mengubah tingkah laku (*self defeating*). Kelompok ini juga berusaha meningkatkan kemahiran sedia ada untuk berhadapan dengan masalah interpersonal.

Dalam kajian ini, pelaksanaan kaunseling kelompok berdasarkan teori Gestalt merujuk kepada kaedah kaunseling yang berteraskan kepada pembinaan modul teori



Gestalt yang bersifat holistik dalam mengiktiraf pengalaman manusia itu sendiri. Terdapat juga unsur kewujudan dan kesedaran dalam pendekatan Gestalt berfokuskan pentingnya nilai tanggungjawab individu terhadap diri mereka sendiri dan keupayaan manusia untuk menentukan pengalaman masa kini (Melati, Ida, Norfaezah dan Azmawaty, 2019). Dalam pada itu, pelaksanaan intervensi kaunseling kelompok juga meyumbang kepada peningkatan daya tidak seseorang. Ini dibuktikan oleh kajian Nasir (2006) dan Smith et. al (2008), telah menjalankan kajian eksperimental untuk melihat kesan kaunseling kelompok. Ruang untuk memperbaiki diri dan persepsi merupakan kekuatan dalam kaedah kaunseling kelompok.

1.9.3 Penghargaan Kendiri

Rosenberg (1987), menggambarkan penghargaan sendiri adalah sebagai sikap yang disukai atau tidak disukai mengenai diri. Seseorang yang mempunyai penghargaan sendiri tinggi bermaksud tahu menghargai dan menghormati dirinya sendiri. Di samping itu, individu tersebut mengetahui tentang apakah kelebihan dan kelemahan dalam dirinya dan berusaha untuk mengatasinya.

Menurut Cohen (1973) pula menjelaskan bahawa orang yang mempunyai konsep penghargaan sendiri yang tinggi dikonsepsikan sebagai orang yang menyukai atau menghargai dirinya dengan melihat dirinya berkebolehan dalam hubungan dengan dunia luar. Manakala, mereka yang mempunyai konsep sendiri yang rendah pula melihat dirinya sebagai orang membenci dan tidak menghargai dirinya. Ini bermaksud, seseorang yang tidak berkebolehan untuk berhubung secara berkesan dengan persekitarannya.



Secara umumnya, penghargaan sendiri adalah persepsi, pandangan, penerimaan dan penilaian individu kepada dirinya sendiri dari aspek tingkah laku, sifat, tabiat dan lain-lain lagi. Hal ini berkait rapat dengan kekuatan dan kelemahan seseorang berdasarkan maklumat yang diterima oleh orang lain hasil dari pergaulan sosial. Ini juga berubah apabila seseorang itu menerima idea atau pengalaman baru.

Dalam kajian ini, penghargaan sendiri merujuk kepada suatu usaha untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid dan bagaimana usaha menghargai diri sendiri di samping usaha-usaha atau penambahbaikan untuk meningkatkan lagi tahap penghargaan sendiri dalam diri individu berdasarkan instrumen Soal Selidik Penghargaan Kendiri Rosenberg (1987).

1.9.4 Murid Sekolah Menengah

Pendefinisian murid berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) adalah seseorang tanpa mengira umur yang sedang mendapatkan pendidikan atau latihan di sesuatu institusi pendidikan. Namun, dalam konteks kajian ini, murid sekolah menengah didefinisikan sebagai seseorang atau anak yang sedang belajar pendidikan secara formal di peringkat sekolah menengah yang berumur di antara 13 sehingga 17 tahun.

1.10 Limitasi Kajian

Bagi memastikan tujuan kajian dapat dicapai, terdapat beberapa had dan limitasi yang telah dikenalpasti dalam penyelidikan ini. Justeru, kajian ini mempunyai batasan dan terhad berdasarkan beberapa faktor seperti berikut:

1.10.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan dan menunjukkan proses pendekatan DDR (*Design and Development Research*) telah digunakan untuk membangunkan modul kaunseling kelompok berdasarkan Teori Gestlat untuk meningkatkan penghargaan sendiri murid sekolah menengah yang telah melalui tiga fasa utama di dalam proses pembinaan modul ini.

1.10.2 Produk Kajian

Produk yang dihasilkan dalam kajian ini ialah modul bercetak untuk kegunaan pengkaji dan panel penilai sahaja. Modul ini dibangunkan khusus untuk melihat sejauh mana kesahan modul ini dapat membantu meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan murid sekolah menengah. Manakala modul ini juga dibina dan dibangunkan atas sandaran satu teori iaitu Teori Gestalt. Maka, guru bimbingan dan kaunseling yang ingin mengaplikasikan modul ini disarankan supaya dapat memahami serta mendalami terlebih dahulu pendekatan Teori Gestalt sebelum menggunakan modul supaya tidak tersalah mentafsir semasa melakukan refleksi di akhir setiap aktiviti.

1.10.3 Peserta Kajian

Terdapat tiga kumpulan peserta kajian dalam penyelidikan ini iaitu panel penilai untuk kesahan pakar, murid dan tujuh orang GBK. Ketiga-tiga kumpulan peserta ini terlibat dalam proses penilaian modul dan dipilih secara bertujuan. Namun terdapat limitasi dalam mencari panel penilai untuk mendapat kesahan pakar dari segi menilai dan

mengesahkan penggunaan modul sebelum digunakan untuk peserta kajian murid. Hal ini kerana hanya panel yang betul-betul arif dan pakar sahaja dalam pembinaan modul dapat menilai secara praktikal tentang penggunaan modul dan pakar dalam penggunaan teori Gestalt.

1.10.4 Lokasi Kajian

Kajian pembangunan modul terhad kepada konteks yang spesifik (Saedah et al. 2013). Oleh itu, lokasi kajian bagi fasa pelaksanaan dan penilaian modul terhad kepada konteks sekolah yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di daerah Kuala Kangsar sahaja. Pemilihan seting juga terhad kepada satu kelompok sahaja kerana kajian ini melibatkan murid menengah atas serta melibatkan pengumpulan data kuantitatif. Fokus utama pengkaji adalah untuk mendapatkan data yang berguna sahaja supaya dapat membantu pengkaji menilai modul dalam konteks kesahan modul yang dihasilkan dapat dimurnikan dengan sebaik mungkin.

Oleh itu, pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan kebolehsanaan (*feasibility*), iaitu berdasarkan seting dan murid yang dapat memberikan maklumat berguna bagi membantu pengkaji menilai modul dalam konteks yang sebenar. Kebolehlaksanaan ialah perkara yang penting dalam mempertimbangkan pemilihan peserta dan seting kajian (Richey & Klein 2007). Justeru, pemilihan lokasi adalah berdasarkan murid yang sanggup bekerjasama dan berminat untuk menjadi ahli dalam sesi kaunseling kelompok. Setting yang dipilih juga berdasarkan permasalahan yang wujud di sekolah itu dengan konteks pengguna sasaran modul. Menurut Richey dan

Klein (2007), pemilihan *setting* perlu mengambil kira permasalahan kajian yang wujud di *setting* tersebut.

1.10.5 Penilaian Modul

Penilaian didefinisikan sebagai pengumpulan data dan analisis data bagi tujuan untuk membuat sesuatu keputusan (Gagne, Wager & Keller 2005). Menurut Saedah et al. (2013) kajian pembangunan modul melibatkan beberapa proses termasuk penilaian kebolegunaan produk sama ada dalam bentuk formatif ataupun sumatif. Dalam konteks kajian ini, penilaian modul terhad kepada penilaian formatif sahaja. Tujuan melakukan penilaian formatif adalah untuk meningkatkan keberkesanan modul dengan mengenal pasti kekurangan dan kelemahan modul (Morrison et al. 2011; Tessmer 1993). Penilaian formatif dalam kajian ini dilakukan dalam fasa pembangunan (oleh pakar bidang) dan fasa pelaksanaan dan penilaian yang melibatkan murid sekolah di dalam seting sebenar.

1.11 Kesignifikanan Kajian

Pelaksanaan modul amat penting semasa di dalam modul kelompok ataupun aktiviti-aktiviti kaunseling yang lain. Hal ini dapat membantu kaunselor mengaplikasikan kemahiran-kemahiran dan teori-teori kaunseling dalam setting pekerjaan kaunselor yang sebenarnya di samping membantu perkembangan pelajar dari aspek pemikiran yang positif dalam diri pelajar tersebut supaya dapat mewujudkan tingkah laku dan kesihatan psikologi yang baik. Namun begitu, tidak banyak modul kelompok yang

mempunyai tahap kesahan yang diyakini dapat membantu pelajar mengembangkan secara keseluruhan aspek pemikiran, tingkahlaku dan emosi yang positif dalam diri pelajar.

Justeru itu, penyelidik telah mengambil inisiatif menjalankan kajian bagi mendapatkan kesahan modul kelompok berdasarkan teori Gestalt dalam meningkatkan penghargaan sendiri murid untuk membantu semua pihak seperti kaunselor amnya dan juga murid-murid khususnya. Kajian mengenai Modul Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Dalam Penghargaan Kendiri ini sangat penting kepada pelajar, guru dan kaunselor kerana kepelbagaian sumbangannya kepada institusi yang berkaitan. Antaranya memberi sumbangan kepada kajian penyelidikan itu sendiri. Hasil kajian ini dapat memberi pengetahuan dan pemahaman mengenai proses mendapatkan kesahan sesuatu modul itu.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga boleh mengetahui sejauh mana kesahan Modul Kelompok Berdasarkan Teori Gestalt Dalam Pembangunan Kendiri dalam usaha membantu pelajar dalam meningkatkan konsep sendiri ke arah yang lebih positif dan lebih bersifat holistik. Hasil dari pembinaan modul ini juga dilihat dapat merealisasikan impian dan matlamat KPM yang mengkehendaki perkembangan yang positif dalam diri murid dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sahsiahnya supaya pelan transformasi Pendidikan Malaysia yang dihasratkan dapat direalisasikan dengan jayanya.

Para guru dan kaunselor sekolah juga mendapat banyak manfaat hasil daripada kajian ini kerana kajian ini dapat membantu mereka menggunakan modul yang

mempunyai kesahan yang sangat tinggi, modul dipercayai yang menjadi bahan yang boleh menyumbangkan kepada ke arah kaunselor yang berkesan. Dalam masa yang sama, para pelajar juga akan mendapat manfaatnya. Perkara yang paling penting sekali kajian ini memberi sumbangan kepada diri pengkaji sendiri. Kajian ini dapat memberi pengetahuan, pendedahan serta ilmu baru yang luas dalam bidang penghargaan sendiri yang amat diperlukan dalam diri murid sekolah menengah.

Justeru kepentingan kajian ini adalah untuk menentukan nilai Kesahan Modul Kelompok Kaunseling Berdasarkan Teori Gestalt Dalam Penghargaan Kendiri. Kajian ini sangat penting kepada remaja sekolah, guru dan kaunselor sekolah serta ahli psikologi. Kajian ini banyak memberi sumbangan kepada kajian penyelidikan itu sendiri. Hasil kajian ini dapat memberi pengetahuan dan pemahaman mengenai proses untuk mendapatkan kesahan modul kelompok kaunseling berdasarkan teori Gestalt dalam penghargaan sendiri ini.

Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat amnya akan pentingnya penghargaan sendiri dalam kesejateraan hidup. Kajian tentang modul kelompok berdasarkan teori Gestalt dalam penghargaan sendiri ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada kesedaran masyarakat yang bermatlamat, budaya saing, berdaya maju dan berwawasan selaras dengan usaha dan matlamat mencapai Wawasan Negara dalam menelusuri Revolusi Perindustrian 4.0.



1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab 1 ini telah membincangkan tentang kepentingan kajian ini dijalankan. Dalam bab ini juga telah dijelaskan berkaitan dengan pernyataan masalah, tujuan kajian, definisi kajian dan limitasi kajian. Kajian ini amat perlu dijalankan untuk mengkaji sejauhmana Kesahan Modul Kelompok Kaunseling Berdasarkan Teori Gestalt Dalam Penghargaan Kendiri dapat digunakan kepada pelajar di negara kita untuk menilai masalah mereka.

